

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS JAMUAN TEH RANCANGAN TUNAS HARAPAN KETIGA
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 28-11-1986

Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim, Menteri Pelajaran;

Dif-Dif Kehormat;

Para hadirin sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Selamat datang ke Sri Perdana, khususnya anak-anak angkat yang datang dari beberapa buah negeri, dan juga keluarga angkat yang berada di sekitar Kuala Lumpur.

2. Inilah kali ketiga Majlis Jamuan Teh ini diadakan di Sri Perdana bagi meraikan anak-anak angkat yang menyertai program anak angkat anjuran Yayasan Gerakbakti Pemuda. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yayasan Gerakbakti Pemuda kerana berjaya menganjurkan program kebajikan seperti ini. Usaha yang murni ini patut dipuji dan menjadi contoh kepada badan-badan sukarela yang lain semoga mereka boleh memikirkan rancangan yang serupa untuk membantu kanak-kanak dari luar bandar.

3. Kanak-kanak yang menyertai program ini bernasib baik kerana mereka dapat melawat ibu negara dan membuat lawatan ke tempat-tempat menarik. Mereka berpeluang tinggal di rumah keluarga-keluarga angkat yang bermastautin di Kuala Lumpur. Saya percaya pergaulan di antara anak-anak angkat dengan keluarga angkat mereka telah memberi faedah kepada kedua belah pihak. Saya berharap tali persahabatan yang terjalin akan berterusan di antara keluarga-keluarga angkat dengan anak-anak angkat mereka. Sekali-sekala elok sekiranya keluarga-keluarga angkat dapat membuat lawatan susulan ke kampung anak-anak angkat mereka. Dengan jalan ini kemesraan akan lebih terjalin dan tujuan-tujuan murni Rancangan Tunas Harapan ini akan dapat dicapai dengan sepenuhnya.

4. Di awal Majlis ini tadi kita telah sama-sama mendengar nyanyian beramai lagu "Anti Dadah". Saya suka mengambil peluang ini untuk mengingatkan kanak-kanak dan para hadirin sekalian betapa bahayanya dadah dan anak-anak perlulah menjauhkan diri daripadanya kerana dadah boleh merosakkan anak-anak sendiri dan juga seluruh keluarga. Oleh itu eloklah ibubapa menentukan supaya masalah dadah tidak akan wujud di kalangan keluarga mereka.

5. Apabila tamat Program Tunas Harapan ini, saya berdoa agar kanak-kanak sekalian akan pulang ke kampung masing-masing dengan selamat. Saya juga berharap agar semua cita-cita anak-anak akan tercapai apabila dewasa kelak.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.